



PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PTPTN

- a. Pembiayaan pendidikan PTPTN terbuka kepada semua pelajar di IPTA yang mengikuti pengajian secara sepenuh masa, separuh masa dan jarak jauh di peringkat seperti berikut:-
 - i. Diploma
 - ii. Ijazah Sarjana Muda
 - iii. Ijazah Sarjana
 - iv. Doktor Falsafah (PhD)
 - v. Kursus Profesional
- b. Pelajar yang telah mendapat pembiayaan PTPTN untuk pengajian terdahulu tetapi gagal menamatkan pengajian boleh memohon pembiayaan kali kedua untuk meneruskan pengajian mereka setelah kesemua hutang terdahulu diselesaikan. Walau bagaimanapun, pertimbangan bagi pembiayaan kali kedua tertakluk kepada peruntukan kewangan yang mencukupi.
- c. Pelajar yang telah mendapat pembiayaan PTPTN dan berjaya menamatkan pengajian terdahulu boleh membuat permohonan untuk ke peringkat pengajian yang lebih tinggi. Permohonan untuk peringkat pengajian yang sama tidak akan dipertimbangkan.
- d. Pelajar yang telah menerima pinjaman PTPTN, tetapi mendapat pembiayaan daripada penaja lain boleh membuat permohonan kali kedua mengikut kategori di bawah:-
 - i. Bagi pelajar yang **menerima tajaan lain dan tidak bertindih pembiayaan** (mendapat pembiayaan PTPTN dan penaja lain dalam semester yang berbeza):-

Pelajar boleh membuat permohonan kali kedua tetapi perlu mengemukakan rayuan beserta dokumen sokongan yang diperlukan dan disahkan bahawa tajaan peminjam tidak bertindih dengan PTPTN.
 - ii. Bagi pelajar yang **menerima tajaan lain dan bertindih pembiayaan** (mendapat pembiayaan PTPTN dan penaja lain dalam semester yang sama):-

Pelajar boleh membuat permohonan kali kedua tetapi perlu menyelesaikan jumlah pembiayaan yang bertindih secara sekaligus dalam tempoh yang ditetapkan.

- e. Pelajar yang membatalkan pembiayaan pendidikan PTPTN dan membiayai sendiri baki pengajian juga boleh membuat permohonan kali kedua tetapi perlu mengemukakan rayuan beserta dokumen sokongan yang diperlukan dan disahkan bahawa pelajar membiayai pengajiannya sendiri tanpa menerima pembiayaan daripada mana-mana penaja lain.
- f. Pembiayaan akan diberhentikan sekiranya pelajar gagal meneruskan pengajian pada peringkat jurusan atau IPT sepertimana yang dinyatakan dalam permohonan pembiayaan. Pelajar dikehendaki membayar balik wang yang telah diperolehi daripada PTPTN sepanjang tempoh pengajian yang telah diikuti sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- a. Pelajar layak memohon pembiayaan pendidikan sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:-
 - i. Pemohon adalah warganegara Malaysia;
 - ii. Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh memohon;
 - iii. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan sekurang-kurangnya 3 kepujian dalam mana-mana mata pelajaran;
 - iv. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi pelajar lepasan Sijil Kolej Komuniti dan Diploma Politeknik dengan syarat memperolehi CGPA 3.0 dan ke atas;
 - v. Bagi pelajar-pelajar IPTA/IPTS/Politeknik, mereka hendaklah telah mendaftar untuk mengikuti kursus yang telah diluluskan oleh Jabatan Pengurusan IPT (IPTA/IPTS) atau Jabatan Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi;
 - vi. Bagi pelajar-pelajar IPTS, kursus yang diikuti mestilah telah mendapat Sijil Perakuan Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan belum tamat tempoh sah laku semasa permohonan dikemukakan;
 - vii. Semua pelajar hendaklah mempunyai kelayakan masuk yang disyaratkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengikuti kursus berkaitan. Bagi pelajar yang mempunyai kelayakan yang berbeza daripada yang disyaratkan, pengesahan bahawa kelayakan tersebut setaraf dengan kelayakan yang disyaratkan hendaklah diperolehi daripada jabatan atau agensi sebagaimana dinyatakan di perkara di atas;
 - viii. Baki tempoh pengajian semasa permohonan dibuat hendaklah tidak kurang dari satu tahun;
 - ix. Pembiayaan pendidikan PTPTN memerlukan **dua (2) penjamin yang terdiri daripada ibu dan bapa kandung pemohon sahaja** tanpa mengambil kira umur dan pendapatan penjamin;
 - x. Tidak mempunyai penaja lain; dan

- xi. Jumlah keseluruhan pembiayaan pendidikan yang telah diperoleh pelajar dengan mengambil kira pembiayaan yang akan diluluskan hendaklah tidak melebihi RM 65,000.

PERSEDIAAN SEBELUM MEMBUAT PERMOHONAN

Membuka akaun simpanan (persendirian) mengikut bank yang telah ditetapkan oleh IPT masing-masing.

- Bagi **UTM SPACE** menggunakan (**CIMB**).

KAEDAH PERMOHONAN

Kaedah permohonan Pembiayaan Pendidikan akan dimaklumkan kemudian.

- a. Dokumen sokongan yang telah ditetapkan untuk permohonan Pembiayaan PTPTN adalah seperti berikut:-
 - i. Salinan Kad Pengenalan pemohon (muka hadapan dan belakang dibuat salinan pada muka surat yang sama)
 - ii. Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
(Nota: Bagi yang mengemukakan salinan slip keputusan peperiksaan SPM/SPMV, hanya slip yang tidak melebihi tempoh 2 tahun dari tahun peperiksaan diambil boleh diterima pakai)
 - iii. Salinan Surat Tawaran Kemasukan ke IPT (surat tawaran dari cetakan laman web IPT boleh diterima tetapi hendaklah disahkan oleh pegawai di IPT terbabit sahaja)
 - iv. Salinan Buku Akaun Bank (muka surat yang tercatat nombor akaun)/Salinan Slip Deposit/Salinan Pengesahan nombor akaun persendirian mengikut bank yang telah ditetapkan oleh PTPTN mengikut IPT masing-masing. Salinan tersebut mestilah mempunyai maklumat iaitu nama, nombor kad pengenalan dan nombor akaun pemohon. (Dokumen ini diperlukan sekiranya nombor akaun yang tercetak di Dokumen Tawaran pelajar salah)
 - v. Salinan transkrip keputusan peperiksaan dan sijil kelayakan masuk lain.
Contoh: STPM/DIPLOMA/MATRIKULASI/IJAZAH SARJANA MUDA/IJAZAH SARJANA (MASTER)
(Nota: Sila sertakan surat pengesahan tamat pengajian dari IPT yang mengendalikan kelayakan masuk tersebut jika pemohon belum menerima sijil dan transkrip peperiksaan juga tidak dinyatakan bahawa pelajar telah menamatkan pengajian/layak dianugerahkan sijil)
 - vi. Salinan Slip Gaji (ketika permohonan dikemukakan)/Salinan Borang Cukai Pendapatan (Individu)/Salinan Kad Pesara/Salinan Pengesahan

Tidak Bekerja-IBU BAPA/PENJAGA/PEMOHON/PASANGAN PEMOHON

- vii. Salinan Kad Pengenalan/Salinan Pasport ibu dan bapa kandung sebagai penjamin
 - viii. Salinan Sijil Kematian/Surat Akuan Sumpah sekiranya ibu/bapa kandung telah meninggal dunia atau tidak dapat dikesan
 - ix. Salinan Surat Pengesahan/Surat Akuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat/Pusat Zakat/sekiranya pemohon/ibu bapa kandung/penjaga merupakan penerima bantuan bulanan dari agensi berkenaan
 - x. Dua (2) keping Setem Hasil bernilai RM10.00 setiap satu. Sila dapatkan di Pejabat Pos.
- b. Bagi pelajar-pelajar yang membuat permohonan Pembiayaan Pendidikan PTPTN pada semester ke 2 pengajian dan ke atas, dokumen sokongan tambahan (**WAJIB**) yang perlu dikemukakan oleh pelajar adalah seperti berikut:-
- i. Salinan Surat Pengesahan Masih Belajar dari IPT. Pengesahan daripada Dekan/Ketua Program/Pegawai Hal Ehwal Pelajar.
 - ii. Salinan keputusan peperiksaan setiap semester sebelumnya.
- c. Salinan dokumen sokongan di atas hendaklah disediakan pemohon dengan menggunakan kertas **BERSAIZ A4** berwarna putih dan **DISAHKAN** oleh pegawai yang layak.
- d. Pegawai yang boleh menjadi saksi **PELAJAR** dan **PENJAMIN** dan untuk pengesahan dokumen sokongan di atas adalah seperti berikut:-
- i. Wakil Rakyat/Senator
 - ii. Pegawai Kerajaan (Kumpulan Pengurusan dan Profesional)
 - iii. Pengamal Undang-Undang
 - iv. Pesuruhjaya Sumpah/Jaksa Pendamai
 - v. Pengetua/Guru Besar (Sekolah kerajaan sahaja)
 - vi. Pegawai Polis berpangkat ASP dan ke atas/Pegawai Tentera berpangkat Kapten atau setaraf dan ke atas
 - vii. Ketua Kampung/Penggawa/Penghulu/Ketua Masyarakat/Sidang/Pegawai Pembangunan Mukim/Pengerusi JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung)
 - viii. Untuk Sabah dan Sarawak – Ketua Kaum/Ketua Anak Negeri/Kapitan/Pemanca/Pegawai Taman Sabah

(Penting: Semua pegawai atau saksi hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia. Cop pegawai atau saksi hendaklah lengkap mempunyai **Jawatan Pegawai** dan **Jabatan/Alamat di mana pegawai bertugas**)

PENGELUARAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PTPTN

- a. Pengeluaran pembiayaan pendidikan akan dikreditkan terus ke akaun pelajar. Pengeluaran pembiayaan kali pertama hanya dibuat setelah perjanjian yang sempurna diterima oleh PTPTN.
- b. Bagi bayaran semester berikutnya, pengeluaran pembiayaan akan dibuat setelah PTPTN menerima pengesahan status pelajar daripada IPT masing-masing bahawa pelajar berjaya meneruskan pengajian dan memperolehi keputusan GPA 2.0 dan ke atas.

PENAHANAN PENGELUARAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PTPTN

- a. Pelajar mendapat keputusan peperiksaan dengan GPA kurang daripada 2.00;
- b. Menangguhkan pengajian; dan
- c. Dikenakan tindakan tatatertib dan dijatuhkan hukuman gantung pengajian.

PENAMATAN/PEMBATALAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PTPTN

- a. Pemberhentian pengeluaran pembiayaan pendidikan akan dibuat apabila pelajar gagal/berhenti/mendapat penajaan lain/menukar kursus pengajian dengan mengulang semester/membatalkan tawaran PTPTN semasa di dalam tempoh perjanjian dengan PTPTN. Pelajar dikehendaki membayar balik pembiayaan yang telah diperoleh daripada PTPTN sepanjang tempoh pengajian yang telah diikuti sebagaimana yang telah ditetapkan dalam perjanjian.
- b. Maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan boleh diperoleh daripada laman web <http://www.ptptn.gov.my>.

[PTPTN HOTLINE - 03-2092 7788](tel:03-20927788) untuk sebarang kemusykilan.

Sebarang aduan/pertanyaan sila email kepada:
webmaster@ptptn.gov.my

Alamat Surat Menyurat

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL

Lot G2, Tingkat Bawah,
Wisma Chase Perdana, Off Jalan Semantan,
Damansara Heights,
50490 Kuala Lumpur.

INFO CENTER PTPTN - SARAWAK

Bank Simpanan Nasional (Cawangan Utama Kuching),
Bangunan Haji Abdul Rasit,
Lot 173, 174, 175 Jalan Muda Hashim,
93400 Kuching, Sarawak.
Telefon : 082-234081

Kemudahan perkhidmatan kaunter berpusat yang disediakan kepada pelanggan adalah:-

- i. Pertanyaan dan Aduan;
- ii. Rundingcara;
- iii. Bayaran balik pinjaman;
- iv. Pembukaan akaun SSPN;
- v. Penambahan deposit SSPN; dan
- vi. Kemudahan capaian internet bagi menjalankan aktiviti berkaitan dengan PTPTN.

Waktu Urusan

Isnin - Khamis
8.30 pagi - 5.00 Petang

Jumaat
8.30 pagi -12.15 tengahari
2.45 petang - 5.00 petang

Sabtu/Ahad/Cuti Umum – TUTUP

Maklumat dikemaskini sehingga 16 April 2010